

# Bingkisan dari Perpustakaan KMM



VOL.1/2016/UPSKMM

25 JANUARI 2016

## LAWATAN KELAB SAHABAT KMNS



Perpustakaan KMM menerima kunjungan seramai 21 orang pelajar dan pegawai perpustakaan dari KMNS pada 16 Januari 2016 (Sabtu). Lawatan yang diketuai oleh En. Mohd Nasrulhaq, Pustakawan KMNS ini bertujuan menjalinkan ukhuwah di antara Kelab Sahabat KMNS dan Kelab Rakan Pustaka KMM. Para pelajar dan pegawai perpustakaan telah diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti dan perancangan perpustakaan bagi tahun 2016. Selain itu juga, rombongan ini turut diberikan jamuan minum pagi bertempat di Café C, KMM. Lawatan berakhir pada jam 11.30 pagi dengan sesi bergambar beramai-ramai sebagai kenang-kenangan.



## KEPIMPINAN PENDIDIKAN PERLU INSTRUKSIONAL

PUTRAJAYA: Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid mahu kepimpinan pendidikan di lapangan menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang. "Tidak kiralah pemimpin institusi pendidikan, pengetua, guru besar, pengarah institut pendidikan guru, pengarah kolej matrikuasi dan Tingkatan 6 perlu jadi pemimpin instruksional yang cemerlang sekali gus bertindak sebagai ejen perubahan." Kongsilah amalan terbaik dengan rakan sejawatan dengan menjadi kreatif, inovatif dan berintegriti," katanya pada majlis perutusan Menteri Pendidikan tahun baharu 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Sumber dari Berita Harian bertarikh 12 Januari 2016.

## PENUBUHAN KELAB RAKAN PUSTAKA

KELAB RAKAN PUSTAKA SESI 2015/2016 KOLEJ MATRIKULASI MELAKA



Kelab Rakan Pustaka telah kembali aktif bagi sesi 2015/2016. Seramai 19 orang pelajar daripada 88 permohonan telah dipilih untuk menganggotai JK Induk Kelab Rakan Pustaka bagi sesi 2015/2016 pada bulan September yang lalu. Pada tahun lepas, sebanyak empat (4) kali mesyuarat Kelab telah diadakan di aras 1, perpustakaan selepas jam 5.00 petang. Pemilihan masa ini dibuat bagi mengelakkan proses P&P pelajar terganggu. Pada tahun ini, mesyuarat Bil. 1/2016 telah diadakan pada 13/1/16 yang membincangkan perancangan aktiviti bagi tempoh 3 bulan akan datang.

## SEPINTAS LALU


- **Pembukaan perpustakaan pada waktu malam & Sabtu/Ahad bermula 18-24 Januari 2016**
- **Kempen Derma Darah anjuran Unit Kemahiran Dinamika di Aras Bawah, Perpustakaan pada 22 Januari 2016**
- **Perpustakaan menjadi salah satu lokasi bagi Program Konsultasi Akademik Perdana pada 22 & 25 Januari 2016 sempena UPS II&IV.**

## STATISTIK PENGUNJUNG BAGI PEMBUKAAN WAKTU MALAM/SABTU & AHAD 2015 (MINGGU UPS)

HARI	ISN	SEL	RAB	JUM	SAB	AHA
2015*	217	292	416	458	442	557
2016**	250	197	232	311	476	350

**Nota:**  
 Khamis tiada pembukaan malam  
 \*tarikh bermula 3/8 – 9/8/15    \*\*tarikh bermula 18/1 – 24/1/16

## GRAF PERBANDINGAN 2015 & 2016



### PERPUSTAKAAN KOLEJ MATRIKULASI MELAKA

UTAMA | MENGENAI KAMI | PERKHIDMATAN | KOLEKSI | KEMUDAHAN | SOALAN PEPERIKSAAN | AKTIVITI | KELAS READING | PERATURAN | ULASAN BUKU

**KOLEKSI TERKINI PERPUSTAKAAN**

**SINOPSIS BUKU PILIHAN**

Tajuk : 10 Amalan Murah Rezeki  
 Pengarang : Mohamad Ishah Al-Qari

Rezeki mempunyai pengertian yang luas dalam Islam. Tidak hanya tertumpu dalam bentuk wang dan harta. Ia mencakupi segala elemen material mahupun spiritual. Segala bentuk nikmat yang kita peroleh samada atas usaha sendiri mahupun diperoleh daripada sumber pemberian yang lain, semuanya adalah rezeki yang Allah s.w.t. berikan. Hanya jalan dan cabang perolehan sahaja yang berbeza. Dalam memperoleh segala nikmat rezeki yang diinginkan yang dididarkan manusia ataupun hamba secara khususnya tidak hanya boleh berdiam dan hanya menunggu rezeki itu datang dengan alasan segala manusia itu rezekinya sudah ditentukan. Pastinya kita harus berusaha seyakunya dengan kudrat Allah s.w.t. kurniaan bagi mendapatkan setiap rezeki yang dijanjikan itu. Selain berusaha, buku ini juga menghimpunkan amalan-amalan yang wajar dilakukan sebagai hamba-Nya bagi mengundang kemurahan rezeki daripada Allah yang Maha Kaya lagi Maha Pemurah.

Tajuk : DIY: Pengurusan Pesakit Strok di Rumah  
 Pengarang : Nik Rosmawati Nik Hussain, Rosediani Muhamad & Zuraida Zainun

Strok atau lebih dikenali sebagai angin ahmar oleh sebahagian masyarakat kita merupakan satu kumpulan lard-tanda fizikal yang terhasil akibat kegagalan fungsi otak. Buku ini memperkatakan permasalahan strok, proses kejadian strok dan penjagaan pesakit strok di rumah seperti kaedah melakukan fisioterapi serta menyedaya dan memberikan makanan kepada pesakit strok. Turut dibincangkan kaedah senaman

**BERTITIK TERKINI DAN PENGUMUMAN**

Perpustakaan ini akan mengadakan program persembakan pada waktu malam dan Sabtu/Ahad seperti berikut:

Isnin-Khamis : 8.00 malam - 11.00 malam  
 Sabtu-Ahad : 10.00 pagi - 4.00 petang

**PENGUMUMAN KEMUDAHAN**

BUKU PERENCANAAN  
 Perpustakaan mempunyai 12 bilik perancangan di Arts Block.  
 Perupustakaan ini juga mempunyai Unit Digital Library perancangan dan persembakan.

BUDUT PPPM 2015-2016  
 Buku ini merupakan Laporan Pelesenan Pengamiran Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2016 di Atas 11 Perpustakaan

**GALIAN MENGENAL**

## PORTAL UNIT PERPUSTAKAAN – AKAN DATANG!

Unit Perpustakaan merancang untuk membangunkan satu portal Unit Perpustakaan bagi memudahkan pelajar dan pensyarah mengakses sumber maklumat yang disediakan. Portal ini juga dapat membantu pelajar dan pensyarah untuk mencari buku yang terdapat dalam koleksi perpustakaan melalui pautan WebOpac. Maklumat mengenai promosi koleksi buku sedia ada dan aktiviti perpustakaan juga dapat dipaparkan bagi memudahkan pelajar dan pensyarah mendapat info berkaitan Unit Perpustakaan.

## BENGGKEL PENGGUNAAN SUMBER ELEKTRONIK

Unit Perpustakaan merancang untuk mengadakan empat (4) siri Bengkel Penggunaan Sumber Elektronik kepada Pensyarah dan Staf Sokongan KMM. Bengkel secara hands-on ini akan mendedahkan kepada peserta mengenai pangkalan data yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia melalui akses [www.pnmdigital.gov.my](http://www.pnmdigital.gov.my). Peserta akan memperoleh kemahiran untuk mengakses e-buku, e-jurnal, e-majalah dan e-suratkhbar secara atas talian. Bengkel ini akan dijalankan di Bilik Cybernet, Perpustakaan dan bilangan peserta terhad 15 orang bagi setiap siri.

2,000,000+ eBooks  
Academic Research, Rare & Special eBook Portal



## KEMPEN DERMA DARAH Anjuran Unit Kemahiran Dinamika

Unit Kemahiran Dinamika, KMM dengan kerjasama Hospital Melaka telah menganjurkan Kempen Derma Darah pada hari ini, 22 Januari 2016 (Jumaat) bertempat di aras bawah, Perpustakaan. Program tahunan ini telah diselenggarakan oleh Puan Safiah binti Ahmad dengan melibatkan penyertaan pelajar, pensyarah dan staf KMM. Kempen ini dilaksana bermula dari jam 11.00 pagi – 5.00 petang. Program murni seperti ini perlu diteruskan bagi memastikan stok simpanan darah Hospital Melaka sentiasa tersedia bagi keperluan pesakit kritikal dan mangsa kemalangan.

# KOLEKSI BUKU UPS



Tajuk :  
**10 Amalan Murah Rezeki**

Pengarang : Mohammad Isfahan Al-Qari

Rezeki mempunyai pengertian yang luas dalam Islam. Tidak hanya tertumpu dalam bentuk wang dan harta. Ia mencakupi segala elemen material mahupun spiritual. Segala bentuk nikmat yang kita perolehi samada atas usaha sendiri mahupun diperolehi daripada sumber pemberian yang lain, semuanya adalah rezeki yang Allah s.w.t. berikan. Hanya jalan dan cabang perolehannya sahaja yang berbeza. Dalam memperolehi segala nikmat rezeki yang diinginkan, yang diidamkan, manusia ataupun hamba secara khususnya tidak hanya boleh berdiam dan hanya menunggu rezeki itu datang dengan alasan setiap manusia itu rezekinya sudah ditentukan. Pastinya kita harus berusaha sedaya upaya dengan kudrat Allah s.w.t. kurniakan bagi mendapatkan setiap rezeki yang dijanjikan itu. Selain berusaha, buku ini juga menghimpunkan amalan-amalan yang wajar dilakukan sebagai hamba-Nya bagi mengundang kemurahan rezeki daripada Allah yang Maha Kaya lagi Maha Pemurah.



Tajuk :  
**DIY: Pengurusan Pesakit Strok di Rumah**

Pengarang : Nik Rosmawati Nik Hussain, Rosediani Muhamad & Zuraida Zainun

Strok atau lebih dikenali sebagai angin ahmar oleh sebahagian masyarakat kita merupakan satu kumpulan tanda-tanda fizikal yang terhasil akibat kegagalan fungsi otak. Buku ini memperkatakan permasalahan strok, proses kejadian strok dan penjagaan pesakit strok di rumah seperti kaedah melakukan fisioterapi serta menyediakan dan memberikan makanan kepada pesakit strok. Turut dibincangkan kaedah senaman rehabilitasi dan keseimbangan badan serta bagaimana membantu pesakit dalam memperbaiki keupayaan sendiri bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit dan juga penjaga. Ditekankan juga kaedah mudah bagi pesakit untuk melaksanakan tuntutan agama seperti solat, berpuasa dan juga ketika bermusafir. Kesedaran dan penjagaan awal berkaitan penjagaan kesihatan diri amat penting untuk semua lapisan masyarakat bagi mengelakkan risiko daripada terjadinya strok.



Tajuk :  
**Guru & Cabaran Semasa (Cetakan tahun 2014)**

Pengarang : Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina Hj. Abdul Majid & Hj. Rosnah A. Rajak

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai mutu pendidikan yang baik dan terus berusaha secara serius membuat transformasi terhadap semua elemen yang menjurus melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang mampu membangun ekonomi berasaskan pengetahuan melangkaui sempadan global. Perancangan dan pelaksanaan Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah tepat dan jelas mengenai hala tuju sistem pendidikan yang rapi dalam melaksanakan pengurusan inovasi dan perubahan pendidikan supaya setara dengan standard antarabangsa. Antara perubahan yang dimaksudkan merangkumi aspek pendekatan pembelajaran murid, kaedah pemilihan guru, latihan guru, penyediaan ganjaran kepada guru dan pemimpin sekolah dan pendekatan pengoperasian Kementerian. Antara cabaran yang dihadapi oleh pendidik ialah integrasi nasional, pendemokrasian pendidikan, tonggak pendidikan UNESCO, globalisasi dalam pendidikan, sokongan keluarga, kepelbagaian budaya, pengaruh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan juga gejala sosial.



Tajuk : **Kemahiran Belajar (Cetakan tahun 2014)**

Pengarang : Rosinah Edinin

Kemahiran belajar amat penting kepada setiap individu kerana ia proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya individu ini berilmu dan berkemahiran. Kemahiran belajar dalam abad ke-21 merangkumi pemikiran kritis, pemikiran kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berkolaborasi. Semua kemahiran ini membantu pelajar dalam pembelajaran sepanjang hayat. Strategi pembelajaran adalah kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Di antara jenis-jenis pembelajaran yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ialah pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran bersifat individu, pembelajaran berfikrah, pembelajaran berasaskan teknologi, pembelajaran berasaskan otak dan pembelajaran berasaskan projek.



Tajuk :  
**Inovasi dalam Teknologi Pendidikan: Isu dan Cabaran (Cetakan tahun 2014)**

Pengarang : Mohd Hasril Amiruddin dan Alias Masek

Buku ini ditulis bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan isu-isu terkini dalam teknologi pendidikan. Maklumat yang diutarakan dalam buku ini adalah berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Maklumat di dalam buku ini juga adalah hasil rangkuman daripada himpunan penulisan-penulisan tugas, perbincangan dan bahan-bahan rujukan yang telah ditelaah oleh penulis sendiri. Buku ini mendedahkan kaedah-kaedah dalam mempelbagaikan teknik penyampain dengan mengaplikasikan teknologi pendidikan. Kandungan buku ini dikupas mengikut kronologi bermula dengan aspek teori, diikuti dengan isu penyebaran teknologi secara berstruktur. Melalui pembacaan buku ini, ia akan dapat membantu masyarakat, khususnya para pendidik dalam mempelbagaikan penggunaan teknologi pendidikan semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

## TAJUK-TAJUK LAIN

